

PERSIDANGAN PEMUDA ISLAM SE-DUNIA DI KARACHI

INDONESIA TERPILIH MENJADI KETUA PEMUDA ISLAM SE-DUNIA

Persidangan yang pertama bagi pemuda Islam se-Dunia telah diadakan di Karachi dari satu hingga 7 Januari dengan dihadiri oleh 82 rombongan wakil-wakil dari serata dunia Islam sama ada dari negeri yang merdeka ataupun yang masih di bawah jajahan. Di antara keputusan-keputusan besar yang diambil ialah hendak menjadikan bahasa Arab, bahasa al-Quran, sebagai bahasa yang utama tetapi berhubung dengan banyak negara-negara belum dapat mengadakan pelajaran-pelajaran bahasa itu maka buat sementara ia adalah menjadi bahasa perantaraan yang kedua sedang bahasa yang pertama ialah bahasa Inggeris. Mengenai perkara-perkara dalam daerah masing-masing adalah diwajibkan supaya pengikut-pengikutnya berusaha menegakkan hukum-hukum Islam di masing-masing tempat dan mengenai perkara-perkara luar maka mereka mengambil pendirian sama tengah-mencela penjajahan dan mencela langkahan keganasan-keganasan komunis.

(Oleh K. M. Yūsuf Zamzam Penulis Istimewa Qalam)

Sambutan dan ukhuwah di dalam persidangan itu adalah sangat-sangat menarik dan perasaan itu adalah menjadikan kemesraan di antara satu dengan lain. Di antara beberapa banyak keputusan yang diambil yang mustahak dihidangkan di sini ialah:- satu keputusan ialah hendak memakai dasar luar yang bersefahaman dan timbang rasa seberapa yang boleh dengan memberi perhatian khas kepada negeri-negeri Islam yang di bawah kuasa –kuasa yang bukan Islam.

Muktamar itu juga mengambil keputusan hendak meminta negeri-negeri Islam memberi bantuan kepada kongres di Mekah hendak menjadikan musim haji masa berunding dan bertukar-tukar fikiran.

Kongres menuntut supaya buta huruf dihapuskan dan peluang-peluang pelajaran diadakan, ajaran-ajaran Islam dihebahkan, dan sekolah kerana melatih penganjur bagi orang-orang muda Islam diadakan. Kongres perubatan orang-orang Islam pun hendak diadakan.

Keputusan diambil hendak membuat cadangan kepada negeri-negeri Islam yang bebas supaya mengadakan mesyuarat berkenaan dengan siaran radio dengan tujuan hendak mebahagikan dunia Islam kepada beberapa bahagian. Tiap-tiap sebuah negeri Islam yang bebas akan berkhidmat menyiarkan program-program Islam kepada bahagian-bahagian yang diletakkan di bawah lingkungannya. Dalam siaran-siaran ini bahasa yang elok sekali digunakan ialah bahasa-bahasa yang banyak sekali digunakan orang.

Anggota-anggota muktamar diminta supaya mengadakan pelajaran-pelajaran sebelah petang di bandar-bandar dan kampung-kampung di mana pemuda-pemuda Islam dengan sukarela dalam masa lapang mereka boleh mnegajar orang-orang yang buta huruf menulis dan membaca, mengira, membaca Quran, mengetahui agama, mengetahui perkara kesihatan, ilmu alam, dan hal urusan negeri.

Kerana hendak mengikut tali perhubungan antara negeri-negeri Islam dan perkara pelajaran dan kebudayaan dan kerana hendak memberi penerangan kepada orang-orang yang bukan Islam



Suatu pemandangan dalam “Muktamar Pemuda Islam Se-Dunia” yang baharu berlangsung di Karachi.

Apakah dia Islam maka muktamar mengambil keputusan hendak menggunakan cara-cara ini:-

- (1) Mempertukarkan penuntut-penuntut dan guru-guru antara negeri-negeri Islam.
- (2) Mengadakan kutubkhanah dalam semua negeri yang ada orang Islam. Langkah yang mula akan diambil di British Giyana, Ceylon, Filipina, Carribean, dan Afrika Selatan.

Pelajaran kanak-kanak dan pemuda-pemuda di seluruh dunia Islam hendaklah menurut ajaran-ajaran dan rukun-rukun Islam supaya mereka itu akan kelak menjadi orang yang mempunyai perasaan tanggungjawab. Orang yang baik dan tulis.

Muktamar mengambil keputusan tidak bersetuju dengan segala cara pelajaran yang mempunyai hakikat (a) merendahkan martabat manusia (b) menolak agama dan rukun Islam.

Oleh sebab dalam negeri-negeri Islam sangat banyak orang yang buta huruf dan hal ini menjadi satu halangan yang besar kepada kemajuan dan kemakmuran maka kerajaan-kerajaan Islam adalah diminta mengambil langkah-langkah yang cepat lagi berkesan menghapuskan buta huruf. Kerajaan-kerajaan diminta menggalakkan pelajaran bagi orang-orang dewasa dan memberi bantuan pelajaran-pelajaran tinggi.

Oleh sebab dalam negeri-negeri Islam tiada rumah-rumah tumpangan bagi pemuda-pemuda maka badan pemuda diminta sungguh-sungguh supaya mengadakan rumah-rumah tumpangan yang seperti itu dan minta

bantuan kerajaan-kerajaan dan kaum-kaum Islam menolong.

Orang-orang Islam diminta supaya jangan lupa kaum-kaum Islam yang kecil yang ada di serata pelosok dunia dan menunjukkan timbang rasa yang penuh kepada orang-orang Islam yang masih berjuang kerana kebebasan.

Muktamar menyuruh pemuda-pemuda Islam supaya mengikut perhubungan-perhubungan yang lebih bertamabah-tambah baik dengan pemuda-pemuda dunia yang tidak masuk dalam lingkungan orang yang tidak percaya Tuhan, dan bersekutu dengan mereka itu kerana faedah-faedah yang sama.

Keputusan diambil hendak menjadikan bahasa Quran lebih terhebat dan satu lembaga ahli-ahli Bahasa Arab akan ditubuhkan.

Suruhanjaya Agama-Sosial Mengaji Soviet Ensiklopedia

Suruhanjaya agama-sosial dalam persidangannya pada 5 Januari telah mencadangkan supaya sekretariatnya mengeluarkan sebuah majalah bulanan dalam segala bahasa yang dipakai oleh orang Islam. Majalah ini akan mengandungi makalah-makalah berkenaan dengan masalah-masalah yang sangat mustahak, perkara-perkara sejarah, kebudayaan dan persuratan.

Diputuskan bahawa negeri-negeri Islam hendaklah memakai perlembagaan Islam.

Suruhanjaya itu mengaji perkataan-perkataan anti-Islam dan yang fitnah yang terkandung dalam cetakan baharu Soviet Ensiklopedia. Perkara hendak mengeluarkan bahan-bahan bacaan yang sihat menurut ajaran-ajaran Islam yang benar dipandang sebagai satu ikhtiar melawan serangan dakyah komunis.

Pada pandangan suruhanjaya itu sikap-sikap bermazhab, dan berpecah-pecah itu patut dilarang kerana hal itu hanya menerbitkan perbahlahan dan perpecahan sahaja yang merosakkan Islam lebih daripada bahaya-bahaya luar.

Suruhanjaya itu juga bersetuju dengan keputusan hendak mengharamkan buku-buku anti Islam.

Pemuda-pemuda Islam dan Penduduk-penduduk Se-Dunia.

Tuan J. D. Shoja, Timbalan Presiden Perhimpunan Pemuda Se-Dunia. WAY, dalam ucapannya menyambut wakil-wakil yang menghadiri muktamar berkata bahwa zaman kesentosaan dan kemajuan akan muncul menerusi sikap muhibbah dan kerjasama antara pemuda-pemuda dunia sekarang. Tuan Shoja menjemput wakil-wakil supaya memberi sokongan kepada perhimpunan pemuda se-Dunia. Ia menaruh harapan bahawa muktamar pemuda-pemuda Islam itu tak lama lagi akan dapat tempat yang hak dalam lingkungan perhimpunan pemuda se-Dunia supaya tujuan-tujuan perhimpunan itu akan menjadi lebih teguh lagi kerana faedah manusia.

Kolonialisme, Imperialisme, Komunisme Dikeji.

Dalam persidangan lengkap yang ketiga muktamar telah meluluskan perlembagaan yang dibuat oleh suruhanjaya badan perlembagaan. Menurut perlembagaan ini ibu pejabat muktamar diberi gelaran “Mu’tamar Shabāb al-‘Ālim al-Islāmī”, dan tempatnya di Karachi. Badan ini mempunyai satu perhimpunan agung, satu lembaga kerja pusat, dan majlis-majlis bagi negeri-negeri yang menjadi anggota. Perhimpunan agung akan bersidang sekurang-kurangnya empat tahun sekali.

Tujuan perhimpunan ialah untuk menyedarkan pemuda akan pusaka mereka yang besar dan menolong memajukan faham memahami antara pemuda-pemuda Islam dan pemuda-pemuda dunia.

Lain-lain keputusan yang diambil ialah mengeji kolonialisme, imperialisme, dan komunisme sebagai “celaka yang besar sekali dalam zaman kita dan mesti mati dengan tidak dicacikan dan ditangisi”.

Keputusan yang kedua mengeji dasar Perancis di Afrika Utara sebagai “sangat tidak berhati, zalim dan tak patut”. Keputusan itu menyeru negeri-negeri Islam supaya bersama-sama menyokong kebebasan Maghribi, memulaukan Perancis dalam lapangan ekonomi, dan menguruskan penghebahan berita-berita berkenaan dengan kejadian-kejadian di Maghribi di seluruh dunia. Pemuda-pemuda diseru supaya menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kerana mengutip wang khairat dan menubuhkan badan sukarela.

Keputusan yang ketiga mengkaji tujuan Israel hendak meluaskan kuasanya dan menyeru kerajaan-kerajaan Islam supaya membantu saudara-saudara mereka dalam perjuangan melawan tujuan Yahudi hendak menjadikan Masjid al-Aqsā rumah sembahyang Yahudi. Diseru supaya Israel dipulaukan dalam lapangan ekonomi.

Komunis Dikeji

Keputusan yang keempat mengeji komunis kerana kezaliman mereka kepada orang-orang Islam di negeri China dan Turkistan. Keputusan itu menyebut penderitaan orang-orang Islam di China dan Turkistan kerana kezaliman orang komunis yang tidak bertuhan yang telah gamak membunuh orang beramai-ramai. Orang-orang Islam seluruh dunia diseru memberi bantuan seberapa yang boleh.

Keputusan itu juga menyatakan timbang rasa kepada kaum-kaum Islam di mana-mana tempat pun yang menderita di tengah pihak-pihak yang zalim dan kerajaan-kerajaan Islam diseru supaya mengambil langkah-langkah yang berkesan kerana menamatkan perbuatan-perbuatan yang zalim itu.

Keputusan yang kesembilan meminta supaya ditubuhkan satu jawatankuasa kerana menjalankan penyelidikan berkenaan dengan orang-orang Islam yang menderita ditangan orang-orang yang bukan Islam dan membuat segala ikhtiar supaya orang-orang Islam tidak lagi diseksa. Kawasan-kawasan yang disebutkan

berkenaan dengan perkara ini ialah kawasan-kawasan yang mendapat “perlindungan” di Semenanjung Arab lima kawasan di Sumaliland, China, Turkistan, dan jajahan-jajahan Perancis di daerah tengah dan barat Afrika.

Suruhanjaya Pelajaran-Kebudayaan meluluskan keputusan-keputusan supaya bahasa Arab dijadikan bahasa basahan dalam Islam, sebuah badan seperti UNESCO ditubuhkan dan pelajaran agama dimulai.

Satu keputusan menyeru negeri-negeri Islam supaya membenarkan pelajaran-pelajaran Islam dari sabalik tabir besi masuk ke dalam negeri dan memberi kepada pemuda-pemuda itu pelajaran percuma dan memberi *scholarship* kepada penuntut-penuntut yang patut mendapatnya.

Muktamar juga meminta supaya suruhanjaya-suruhanjaya dihantar melihat keadaan kaum-kaum Islam yang tidak merasai kebebasan berbeza atau yang berkehendakkan pengetahuan agama yang lebih banyak.

Keputusan yang akhir menyeru semua pemuda Islam supaya berjauhan daripada puak yang tidak bertuhan daripada apa jenis pun dan memegang panduan semata-mata kepada ajaran-ajaran dan rukun-rukun Islam.

Harap Perhati

Oleh kerana rencana-rencana dan berita-berita serta gambar-gambar di sekeliling “Muktamar Pemuda Islam Se-Dunia” telah mengambil banyak tempat dalam keluaran ini maka lain-lain rencana yang sampai ke tangan kita akan disiarkan pada keluaran yang akan datang termasuk rencana-rencana sambungan “Macam-macam Tentang Kongres Bahasa Indonesia” dan rencana sambungan al-Marhum Haji Agus Salim-P.